

Rasulullah Ikutanku

RUJUKAN BUKU TEKS PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 1: MUKA SURAT 135



Ustaz
Anas

Assalamualaikum
murid-murid.. Apa
khabar? Ustaz
harap semuanya
sihat dan bersedia
untuk belajar.

Walaikumussalam.
Alhamdulillah. Kami
sihat. Insya Allah,
kami sangat teruja
nak belajar hari ini.



Hana



Sofea



Ustaz, semalam saya seronok
sangat **berselawat** dalam
perararkan maulidur rasul.

Ustaz, apa itu **selawat**,
apa **kelebihannya**?



Alhamdulillah. Bagusnya
Hana.. Mestilah seronok
sebab Rasulullah itu ikutan
kita yang sentiasa memimpin
kita ke syurga.
Sofea nak tahu apa itu
selawat dan **elebihannya** ye..

Selawat ialah **doa atau pujian** kepada **Nabi Muhammad** sallallahu alaihi wasallam. Kelebihan selawat banyak sekali. Contoh selawat nabi boleh kamu lihat video di bawah..



Barang siapa berselawat (mendoakan kesejahteraan) kepada nabi 1 kali, Allah berselawat (mendoakan kesejahteraan) kepadanya 10 kali..



Kita sebagai ummat nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam **sangat-sangat dituntut untuk berselawat** kepada baginda kerana ia diperintahkan oleh Allah melalui ayat 56 dalam surah al-ahzab

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: wahai orang yang beriman, selawatlah kamu kepada nabi Muhammad dan ucapkanlah salam penghormatan ke atas baginda dengan sebenar-benarnya.



Ustaz, saya nak selawatlah.. Ajar la macam dalam video tu.. **Kami nak selawat..**

Baik.. Ustaz sebut, kamu ikut ye...



Boleh ustaz...

Allahumma...
solli ala..
Saiyyidina..
Muhammad.
Wa 'ala ali
Saiyyidina
muhammad.



اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Ya Allah berilah kesejahteraan kepada nabi Muhammad.
Dan ahli keluarga baginda..



Murid-murid, apabila kamu **mendengar nama Nabi Muhammad** sallallahu 'alaihi wassallam, kamu dituntut untuk **berselawat kepada baginda**. Itu adalah adab kita kepada baginda Nabi.

Orang yang **paling kedekut** kata Nabi Muhammad adalah orang yang bila disebut nama Nabi Muhammad, **dia tidak berselawat**. Dia diam je.. Tak boleh macam tu.. Kena selawat..



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Allahumma solli 'ala saiyidina muhammad



Sebagai tanda kita **sayang Allah** adalah dengan

mengikuti Nabi Muhammad,

ikut cara hidup nabi,
ikut cara ibadah nabi, dan
segala-galanya ikut Nabi.
Insya Allah akan disayangi Allah.

KESIMPULANNYA...



Banyakkan selawat

Allahumma solli 'ala saiyidina muhammad

sebagai tanda kasih sayang kita kepada nabi

Yang membawa Islam sampai kepada kita sehingga hari ini..

Sebab datang nabi, kita dapat beribadah, dapat kita hidup bertuhankan Allah.

IKUTLAH NABI MUHAMMAD

selamat

dunia

Akhirat



**Jawab soalan berikut.
Pilih jawapan yang betul.**

1. Bila disebut nama Nabi Muhammad, apakah yang perlu kita lakukan...

A Berselawat kepada Nabi Muhammad

B Diam sahaja.

2. Maksud selawat ialah:

A Doa atau pujian untuk Allah

B Doa atau pujian ke atas Nabi Muhammad

3. Contoh selawat ialah:

A Allahumma Solli 'ala Saiyidina muhammad

B Allahummaf tah 'alaina hikmataka

4. Kita **digalakkan** berselawat seperti mana yang **disuruh** Allah dalam :

A Buku Teks

B Al-Quran

5. Sabda Nabi Muhammad, orang yang paling **kedekut** ialah orang yang tidak _____ apabila disebut nama Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam.

A berselawat

B bercakap



Susun semula...

سَيِّدِنَا

اَللّٰهُمَّ

صَلِّ عَلٰى

مُحَمَّدٍ

سَيِّدِنَا

اٰلِ

وَعَلٰى

مُحَمَّدٍ

Banyakkan selawat...
Moga dapat syafaat..
Di akhirat... amin.

